Lahirnya Sebuah Negara Bangsa



BERMULANYA ilham penubuhan UMNO... Datuk Onn Jaafar (duduk enam dari kiri) bergambar di Bangunan Volunteer, Batu Pahat semasa penubuhan Pergerakan Batu Pahat pada 9 Februari 1946. Pergerakan inilah yang mengilhamkan penubuhan UMNO dan Onn dilantik menjadi Yang Di Pertua.

RUMAH kerajaan di Jalan Sultanah, Batu Pahat yang dijadikan tempat rundingan tidak rasmi antara Datuk Onn Jaafar dan Tan Sri Mohd. Noah Omar serta Datuk Anuar Ab Malik untuk menubuhkan UMNO (Pekembar). Rumah ini ketika itu didiami oleh Mohd. Noah.



PERWAKILAN bergambar bersama Tengku Mahkota Sultan Ismail di perkarangan Istana Besar, Johor Bahru pada tahun 1946.

TOKOH-TOKOH yang menyelenggara upacara menaikkan bendera Pekember (UMNO) buat pertama kali di halaman Istana Besar, Johor Bahru pada tahun 1946.

PARA pengasas UMNO 1946 bergambar di depan Istana Besar, Johor Bahru beberapa tahun selepas parti itu ditubuhkan.

AHLI-AHLI Jawatankuasa sambutan Kongres Parti Politik Melayu untuk penubuhan Pekember (UMNO) bergambar di perkarangan Istana Besar, Johor Bahru pada tahun 1946.



PERWAKILAN Kaum Ibu parti-parti politik dari seluruh Tanah Melayu berhimpun di hadapan Istana Besar, Johor Bahru pada 11 Mei 1946, sempena penubuhan rasmi Pekembar (UMNO).

Ulang Tahun UMNO Ke-60

ISTANA BESAR JOHOR BAHRU – 11 MEI 2006

11 Mei 1946
Tarikh Keramat Kelahiran UMNO

Oleh ROHANI IBRAHIM

SELEPAS Gabenor Malayan Union, Sir Edward Gent mengangkat sumpah pada 1 April 1946 perjuangan orang Melayu untuk menentang Malayan Union semakin hebat dan bersemangat.

Ini mendorong Datuk Onn Jaafar untuk memanggil satu lagi kongres diadakan pada 11 dan 12 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru.

Sejumlah 29 pertubuhan menghantar wakil dalam kongres ketiga bagi orang Melayu yang dirasmikan oleh Pemangku Raja pada masa itu, Tengku Mahkota Ismail.

Baginda turut membenarkan penggunaan pelbagai kemudahan di istana.

Dalam titah perasmian, Tengku Mahkota Ismail melahirkan rasa sukacita dengan kehadiran wakil pelbagai persatuan Melayu untuk bersidang.

Kedatangan kesemua wakil membuktikan muafakat di antara orang-orang Melayu dalam memelihara tanah air dan hak-hak Melayu, titah Tengku Mahkota Ismail lagi.

Majlis perasmian tersebut diikuti dengan jamuan teh dan sesi bergambar kenangan bersama Tengku Mahkota Ismail.

Selesai sesi bergambar, Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor mencadangkan supaya Onn menjadi pengerusi persidangan dan cadangan itu disokong oleh Persatuan Melayu Perak.

Onn dalam ucapannya sebagai pengerusi persidangan tersebut menjelaskan yang kongres yang diadakan di Istana Besar itu adalah bagi menyambung kongres di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1 hingga 4 Mac.

Persetujuan yang dicapai di Kongres Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur untuk menubuhkan sebuah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu telah mewujudkan sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab merangka Rang Surat Tauliah Pertubuhan.

Pada kongres di Istana Besar, Rang Surat Tauliah atau piagam tersebut dibahaskan dan beberapa pindaan diluluskan selain disahkan.

Kini rasmilah penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu atau UMNO.

Sebagai pengerusi persidangan tersebut, Onn kemudiannya menutup kongres Melayu dengan berkata, 'Selamat Belayar Kongres dan Selamat Datang Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu'.

Persidangan itu kemudiannya ditangguhkan untuk rehat sebelum disambung dan dikenali sebagai Majlis Mesyuarat Agung UMNO.

Mesyuarat Agung berkenaan memilih Datuk Panglima Bukit Gantang sebagai pengerusi sementara persidangan.

Persidangan itu kemudiannya menjalankan pemilihan Yang Dipertua bagi UMNO dan wakil-wakil yang hadir dengan sebulat suara memilih Onn.

Persidangan itu seterusnya membincangkan beberapa perkara berkaitan urusan pentadbiran.

Ahli mesyuarat juga bersetuju supaya ibu pejabat UMNO ditempatkan di Johor Bahru.

Surat tauliah atau Piagam UMNO yang dipersetujui dalam persidangan UMNO berkenaan ditandatangani oleh ketua-ketua pertubuhan yang hadir.

Mereka yang menurunkan tandatangan pada surat tauliah atau Piagam UMNO dianggap sebagai pengasas-pengasas rasmi UMNO.

Perkara yang dibincangkan pada Mesyuarat Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) Pertama pada 11 dan 12 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru:

1. Pemilihan Setiausaha Agung
2. Menentukan pejabat-pejabat untuk berfungsi sebagai
   - pejabat Setiausaha Agung
   - pejabat urusan kewangan
   - pejabat perkara agama dan pelajaran
   - pejabat perkara iktisad
   - pejabat perkara diayah dan
   - pejabat perkara membantah Malayan Union.
3. Ibu pejabat UMNO bertempat di Johor Bahru
4. Menentukan Bendera UMNO - ditangguhkan.
5. Persidangan pada hari pertama juga membincangkan mengenai wakil-wakil Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang dicadangkan untuk pergi ke England bersama sultan berhubung isu Malayan Union.

Ketiga-tiga wakil ialah Onn, Datuk Panglima Bukit Gantang dan Tunku Abdul Rahman.

Antara objektif delegasi ke England ialah menyampaikan bantahan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang mewakili umat Melayu mengenai:

- penaklukan negeri-negeri Melayu
- perjanjian yang ditandatangani oleh raja-raja Melayu dan Sir Harold Mac Michael tidak diakui oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
- menuntut dikembalikan taraf negeri-negeri Melayu dan
- langkah-langkah tertentu diambil untuk memelihara kedaulatan negeri-negeri Melayu.

6. Mesyuarat berkenaan juga meluluskan peruntukan sejumlah RM100,000 daripada wang Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu untuk perbelanjaan wakil-wakil yang hendak dihantar ke England.
7. Satu kumpulan wang Kebangsaan Melayu perlu diwujudkan supaya pertubuhan-pertubuhan yang bersekutu dapat memberi bantuan demi mengukuhkan pertubuhan. Perbelanjaan wang adalah berdasarkan Majlis Mesyuarat Agung.
8. Lawatan dua ahli Parlimen British, Kapten Gammans dan Lt. Col Rees Williams ke Tanah Melayu diserah kepada tadbir Pertubuhan-pertubuhan Melayu untuk mengadakan sambutan dalam negeri masing-masing.
9. Perjumpaan wakil UMNO dan kedua-dua warga British berkenaan ditetapkan di Kuala Kangsar, Perak.
10. Perbincangan itu perlu diadakan secara tertutup.
11. Cadangan supaya dipersekutukan sembilan buah negeri Melayu iaitu Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.
12. Pulau Pinang dan Melaka turut dimasukkan dalam persekutuan tersebut.
13. Persekutuan yang baru ini akan memansuhkan perjanjian yang dibuat oleh Sir Harold Mac Michael.
14. Turut ditubuhkan ialah sebuah Jawatankuasa Perhubungan di antara UMNO dengan raja-raja yang terdiri daripada:
    - Yang Dipertua UMNO
    - Datuk Panglima Bukit Gantang
    - Yang Dipertua Parti Kebangsaan Melayu Malaya
    - Yang Dipertua Saberkas
    - Yang Dipertua Kesatuan Melayu Singapura dan
    - seorang wakil daripada sebuah Persekutuan Melayu di negeri Selangor.
15. Yang Dipertua akan memanggil jawatankuasa pada bila-bila masa yang dikehendaki.
16. Yang Dipertua boleh membelanjakan wang sejumlah RM5,000 setahun bagi pentadbiran.
17. Cogankata kebangsaan 'Hidup Melayu' digunakan dalam surat-menyurat dan perjumpaan.
18. Merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Sultan Johor kerana memperkenankan penggunaan Istana Besar oleh Kongres Melayu dan UMNO.

TENGKU MAHKOTA ISMAIL

PETIKAN titah ucapan Tengku Mahkota Ismail pada kongres yang diadakan pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru:

"...Dengan hati yang sangat ria, saya melihat kedatangan tuan-tuan yang begini ramai dari semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu ini kerana hendak sama-sama muafakat menjalankan pekerjaan kongres dan dari ini nampaklah kepada saya dan kepada tuan-tuan sekalian juga yang kita bangsa Melayu yang sedia dan hendak bersatu dengan tujuan menguatkan pendirian bangsa kita dan memelihara tanah air kita sendiri.

Kedatangan tuan-tuan ke mari ada memberi sukacita yang amat besar kepada saya dan saya menerima tuan-tuan sekalian dengan hati yang tulus ikhlas.

Saya harap kerja-kerja yang hendak tuan jalankan di sini dalam dua hari akan jaya dengan cukup sempurna juga saya ucapkan selamat kepada tuan-tuan semua dan saya serukan persidangan mesyuarat ini dibuka dan dimulakan..."

DATUK ONN JAAFAR

PETIKAN ucapan Datuk Onn Jaafar selepas UMNO rasmi ditubuhkan. Ucapan ini disampaikan pada pukul 3.15 petang di Istana Besar, Johor Bahru:

"Janganlah kiranya hendak mengejar pangkat sahaja dengan membelakangkan bangsanya kerana dengan malangnya saya bercakap iaitu di Tanah melayu ini ada orang yang rupa Melayu, berkulit Melayu dan segalanya Melayu tetapi dukacita disebutkan 'hatinya bukan Melayu'.

"Alangkah malangnya, ada beberapa orang Melayu yang tidak mengikut kerana kononnya segan kepada orang asing tetapi tidak segan kepada bangsanya sendiri."

"Saya tahu ada berbunyi pihak yang tidak menyebelah pada Melayu hendak memberitahu kepada dunia bahawa bantahan-bantahan daripada kita itu bukan bantahan rakyat tetapi raja. Kita nafikan itu kepada dunia yang menuntut hak bukan raja, melainkan rakyat."

"Ada dua tempat orang Melayu hendak bertenggek, satu kepada jiran, satu kepada musuh Melayu."

"Jika belum ada perasaan kebangsaan dan tanah air dan semata-mata kerana dirinya sendiri diminta supaya orang itu berfikir panjang dan bertaubatlah. Masuklah ke dalam persatuan-persatuan dan bersatulah."

"Saya berharap dalam masa yang sedikit lagi jadi satu tujuan, kerana itu mustahak menunjukkan persatuan yang padu bukan sahaja persatuan antara raja dengan rakyat tetapi rakyat dengan raja."

"Selamat belayar Kongres dan Selamat Datang Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu."

Piagam pertama – Panduan pentadbiran UMNO

KANDUNGAN Surat Tauliah atau Piagam UMNO yang dipersetujui dan ditandatangani oleh 29 wakil dalam persidangan di Istana Besar, Johor Bahru pada 11 dan 12 Mei 1946.

"Bahawa di dalam suatu kongres yang diadakan di Kuala Lumpur pada 1, 2, 3 dan 4 Mac 1946 dan dihadiri oleh wakil-wakil dari 41 buah Persekutuan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang sebutannya di belakang ini adalah termasuk Tanah Jajahan Negeri Selat telah dipersetujukan dengan sebulat suara suatu ketetapan bahawa berbagai-bagai Persekutuan Melayu sekarang ataupun kemudiannya diterima sebagai ahli dengan cara yang disebutkan di belakang ini hendaklah disatukan kepada dan dikawal oleh sebuah pertubuhan pusat.

Dan bahawa di dalam suatu kongres yang tersebut yang diadakan lagi di Johor Bahru pada 11 Mei 1946 dan dihadiri oleh kami telah diluluskan dengan sebulat suara suatu keputusan bahawa hendaklah diberi kuatkuasa kepada keputusan itu dengan menurunkan tandatangan ke atas Surat Tauliah Persekutuan untuk dan bagi pihak diri kami sendiri dan untuk dan bagi pihak Persekutuan-persekutuan kami masing-masing yang dengannya Pertubuhan Pusat sebagai yang tersebut dahulu itu akan didirikan.

Sekarang ketahuilah dengan persembahan-persembahan ini bahawa kami untuk dan bagi pihak diri kami dan untuk dan bagi pihak Persatuan-persatuan kami masing-masing, mengaku dan bersetuju sebagai yang tersebut ini:

1. Hendaklah ditubuhkan sebuah Pertubuhan Pusat yang dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (yang disebut kemudiannya Pertubuhan) dengan ibu pejabatnya di Johor Bahru dan persekutuan-persekutuan kami masing-masing akan menjadi ahli-ahli pengasasnya.
2. i) Kuatkuasa yang diletakkan di sini dalam Pertubuhan itu adalah seperti berikut:
   a) Bagi meninggikan dengan segala cara yang menurut undang-undang tujuan-tujuan yang sama dari ahli-ahlinya dan bagi menjalankan sebarang perbuatan di dalam apa juga perkara yang akan diamanahkan kepadanya oleh sebuah atau lebih ahli.
   b) bagi mewakili ahli-ahlinya atau sebuah dari ahli-ahlinya di dalam memajukan tujuan-tujuan yang seumpama itu dan lain-lain perkara atau perkara-perkara.
   c) bagi menyelesaikan sebarang perselisihan yang berbangkit di antara ahli-ahlinya.
   ii) Tiadalah sebarang yang terkandung di dalam fasal ini akan memberi kuasa kepada Pertubuhan menjalankan sesuatu perbuatan di dalam sebarang perkara yang menjadi hak sendiri kepada sebarang ahli yang tertentu atau ahli-ahli melainkan apabila disyaratkan dengan tertentu di sini.
3. Sebarang Persekutuan Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang mempunyai ahli-ahlinya lebih seribu orang bilangannya dan yang mempunyai tujuan-tujuannya termasuk memajukan dan membaiki keadaan orang-orang Melayu dari atau di dalam Semenanjung Tanah Melayu bolehlah dengan membuat permintaan, diterima menjadi ahli Pertubuhan.
4. Pertubuhan akan terdiri daripada:
   a) Majlis Mesyuarat Agung
   b) Jawatankuasa Kerja
   c) Setiausaha Agung
5. Majlis mesyuarat agung hendaklah mengandungi tidak lebih daripada dua orang wakil daripada sebuah ahli dan hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali di dalam setahun, persidangan yang pertama seumpama itu hendaklah diadakan pada atau sebelum 12 Mei 1946.
6. Majlis mesyuarat agung hendaklah mempunyai kuasa menubuhkan sebuah jabatan atau jabatan-jabatan yang difikirkan mustahak bagi mencapai tujuan-tujuan dan cita-cita Pertubuhan.
7. Yang Di Pertua Pertubuhan hendaklah dipilih dan diangkat dalam satu persidangan Majlis Mesyuarat Agung dan hendaklah memegang jawatannya sehingga diangkat Yang Dipertua baru.
8. Yang Dipertua hendaklah mempunyai kuasa melantik dan memecat pegawai-pegawai bagi jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang mengelolakan berbagai-bagai jabatan Pertubuhan atau sebarang daripadanya dengan syarat bahawa Yang Dipertua hendaklah bertanggungjawab kepada Majlis Mesyuarat Agung atas segala perbuatan atau kecuaian seseorang di dalam menjalankan kuasa dan kewajipan-kewajipan.

Sebarang yang dilakukan oleh yang Di Pertua di dalam menjalankan kuasa itu hendaklah dengan syarat dipersetujukan oleh Majlis Mesyuarat Agung dengan segera.

9. Yang Dipertua, Setiausaha dan pegawai-pegawai dan pengerusi bagi sebarang Jawatankuasa Kecil sebagai yang tersebut dahulu adalah menjadi ahli jawatankuasa kerja.
10. Tiap-tiap sebuah ahli Pertubuhan terkena memberi bayaran kepada wang kumpulan di bawah kawalan Pertubuhan sebanyak yang akan ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Agung.
11. Setiausaha Agung hendaklah pekelilingkan peraturan-peraturan yang mengenai sebarang perkara atau perkara-perkara yang tiada disebutkan dengan khas di sini.
12. Tidak ada suatu yang terkandung di sini boleh dipinda melainkan dengan suatu ketetapan yang diluluskan di dalam suatu persidangan Majlis Mesyuarat Agung."

SENARAI PENGASAS UMNO YANG MENANDATANGANI SURAT TAULIAH:

1. DATUK ONN JAAFAR (Pergerakan Melayu Semenanjung Johor)
2. KAPTEN AHMAD MOHAMMAD DON (Persekutuan Melayu Keluang)
3. MOHAMMAD REJAB DARUS (Kesatuan Melayu Kedah)
4. SENU ABDUL RAHMAN (Saberkas)
5. ABDUL WAHAB TOK MUDA ABDUL AZIZ (Persatuan Melayu Kelantan)
6. AHMAD JAMAL (Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka)
7. TUNKU HUSSAIN TUNKU YAHAYA (Persekutuan Melayu Negeri Sembilan)
8. MOHAMMAD NOR SULAIMAN (Persatuan Melayu Pahang)
9. AHMAD MALEK (Persatuan Melayu Seberang Prai)
10. IBRAHIM MAHMOOD (Kesatuan Melayu Pulau Pinang)
11. ABDUL WAHAB TOK MUDA ABDUL AZIZ (Perikatan Melayu Perak)
12. MOHAMMAD TAHIR SETIA RAJA (Persatuan Melayu Perak)
13. BAHARUM MOHAMMAD MOHIDIN (Persetiaan Muslim Teluk Anson)
14. RAJA LOP SHAHARUDDIN RAJA MOHAMMAD (Persatuan Melayu Cendering)
15. AHMAD ABDULLAH (Persekutuan Muhibbah Malim Nawar)
16. SALLEH OSMAN (Persatuan Melayu Perlis)
17. MOHAMMAD EUNOS ABDUL HAMID (Persatuan Melayu Selangor)
18. HAMZAH ABDULLAH (Pergerakan Kebangsaan Melayu Selangor)
19. ZAINAL ABIDIN OSMAN (Ikatan Setia Kampung Baru)
20. BAGINDA BUYONG BAGINDA KASSIM (Persatuan Pinang Peranakan dalam negeri Selangor)
21. ALI ARSHAD (Dewan Perniagaan Melayu Malaya negeri Selangor)
22. RAJA ABDUL RAHMAN RAJA YUSOF (Persatuan Penghulu-Penghulu Selangor)
23. OMAR ABU HASSAN (Darul Ihsan Club Jeram)
24. FATIMAH MUSA (Persatuan Kaum Ibu Selangor)
25. AHMAD MAHDON HASSAN (Persekutuan Bawean Selangor)
26. NORDIN NAWI (Persatuan Melayu Ulu Selangor)
27. LOP SALLEH LONG (Persatuan Melayu Daerah Sabak Bernam)
28. DR. BURHANUDDIN MOHAMMAD NOOR (Parti Kebangsaan Melayu Semalaya)
29. ABDUL RAHIM IBRAHIM (Kesatuan Melayu Singapura)